

Penyiaran-UMS akan meterai MoU untuk tingkat mutu penyiaran

Oleh YATIM

TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU, Selasa - Jabatan Penyiaran Kawasan Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UMS), dijangka akan menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) untuk meningkatkan mutu penyiaran di negeri ini.

Pengarah Penyiaran Kawasan Sabah, Datuk Haji Mokhtar Abd Kadir, berkata pada dasarnya kedua-dua pihak telah bersetuju mengenai cadangan itu.

Bagaimanapun beliau berkata, perundingan masih dijalankan sebelum perjanjian itu ditandatangani pada November depan.

Katanya, mengikut perancangan perjanjian itu kedua-dua pihak akan berkerjasama dalam bidang latihan dan kajian pendidikan, untuk membaiki mutu perkhidmatan penyiaran, khususnya radio di negeri ini yang semakin mencabar.

"Keperluan pendidikan penyiaran ini sangat penting kerana di negeri ini sudah ada lima saluran radio dan semua DJ memerlukan pengetahuan yang lebih luas dalam pelbagai

perkara yang bersesuaian dengan hasrat pendengar masa kini," katanya dalam sidang akhbar mengenai sambutan perayaan Hari RTM Sabah ke-50 peringkat negeri yang bermula 1 Januari lalu hingga Desember depan.

Mokhtar berkata, jika dulu negeri ini hanya mempunyai satu saluran Radio Sabah, tetapi kini sudah ada lima saluran termasuk Radio Dua, tiga, empat dan Radio Lima dari Kuala Lumpur.

Beliau berkata, memandangkan persaingan sudah bertambah maka kerjasama itu penting dan UMS sendiri mempunyai sekolah yang berkaitan dengan penyiaran iaitu Sekolah kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Menurutnya, jika perjanjian itu termeterai November depan, maka ia adalah MoU yang kedua Radio Sabah selepas bersama dengan Muzium Sabah yang ditandatangani pada 19 Febuari lalu.

Katanya, dengan adanya perjanjian ini kelak maka kedua-dua pihak boleh menerokai pelbagai bidang baru dan pertukaran idea yang menguntungkan pihak terbabit.

"Bidang penyiaran tidak

lagi dimonopoli oleh kerajaan seperti masa lalu. Sebaliknya, radio kini sudah dikomersilkan iaitu sama seperti tv," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata lebih banyak lagi persefahaman akan terjalin pada masa akan datang dengan pihak swasta atau agensi kerajaan yang lain.

Katanya, radio sekarang bukan sahaja digunakan untuk penyaluran pelbagai maklumat dan hiburan, malahan digunakan sebagai alat untuk pendidikan termasuk Pengajian Jarak Jauh (PJJ), seperti di Pulau Pinang.

Menurutnya, lebih awal daripada Sabah, radio di semenanjung sudah lama mengadakan kajian penyiaran, seperti kajian Sebaran Am membabitkan Universiti Sains Malaysia (USM).

Bagaimanapun, Radio Sabah setakat ini belum lagi mengadakan PJJ, selain saluran Radio dan TV Pendidikan, kerana ia adalah prinsip baru penyiaran.

"Sebenarnya, radio sebagai satu daripada media boleh digunakan untuk pelbagai cara. Tetapi ia bergantung kepada persetujuan pihak yang terbabit," katanya.

Daily Express 25/9/96